

592:
MAHATHIR

1974

JITRA, 16 OKT. (BERNAMA) --- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, MENYATAKAN TIDAK ADA KERAJAAN DI SELURUH DUNIA YANG BEGITU MENITIKBERATKAN SOAL PELAJARAN SEPERTI MALAYSIA.

INI TERBUKTI DENGAN LANGKAH KERAJAAN MENGUNTUKKAN SATU PEREMPAT DARI PERBELANJAAN NEGARA UNTUK PELAJARAN, KATANYA DALAM PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 500KORANG, IBUBAPA DAN PENDUDUK DI SEKOLAH MENENGAH TUNKU BENDAHARA, 16 BATU DARI SINI PETANG INI.

TURUT HADIR IALAH PENGARAH PELAJARAN KEDAH, ENCIK JUMAAT BIN HAJI MOHAMED NOOR, TIMBALANNYA, ENCIK MOHAMED ALI BIN MOHAMED DAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, ENCIK TAJUDDIN BIN HAJI HASHIM.

BELIAU MENAMBAH, BAGI PERBELANJAAN PELAJARAN 1974/75, KEMENTERIANNYA DIJANGKA MENDAPAT SEBANYAK \$900 JUTA ATAU \$1,000 JUTA.

BELIAU KESAL SETENGAH-TENGAH PIHAK YANG BERTINDAK LIAR DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI MEMULAU SEKOLAH, DEMONSTRASI DAN BERPIKET SEPERTI YANG BERLAKU BARU-BARU INI DI KUALA LUMPUR DAN DI PULAU PINANG. -- BERSAMBUNG 2024/ZCM

593:
MAHATHIR 2 JITRA

BELIAU MENGECEM PIHAK-PIHAK YANG MENYOKONG PELAJAR MENGADAKAN PIKET ATAU MEMULAUKAN SEKOLAH UNTUK KEPENTINGAN SESUATU PIHAK DAN ADA PULA DENGAN TUJUAN MENDAPAT JAWATAN GURUBESAR.

MENURUT BELIAU LAGI, TIAP-TIAP TAHUN KERAJAAN MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$100 JUTA DI LIMA BUAH UNIVERSITI DALAM NEGARA INI. BELANJA BESAR ITU MENUNJUKKAN AZAM KERAJAAN UNTUK MENINGGIKAN TARAF PELAJARAN.

SEMENTARA ITU, SEBANYAK \$62 JUTA DIUNTUKKAN BAGI RANCANGAN BANTUAN BUKU-BUKU TEKS SEPENUHNYA KEPADA SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DI NEGARA INI TAHUN DEPAN.

BAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TERTENTU AKAN DIBERI KEPADA MEREKA YANG MEMPUNYAI BERPENDAPATAN \$500 KE BAWAH SEMENTARA BAGI IBUBAPA YANG BERPENDAPATAN \$200 KE BAWAH BANTUAN SEPENUHNYA AKAN DIBERI KEPADA ANAK-ANAK MEREKA. -- BERNAMA 2026/ZCM